



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN WARGA EMAS NEGARA (MPPWEN) BILANGAN 1 TAHUN 2021

PUTRAJAYA, 4 JUN 2021 - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bilangan 1 Tahun 2021 pada 3 Jun 2021.

Semasa mesyuarat, satu kertas pertimbangan dan dua kertas makluman telah dibentangkan iaitu:

- (i) Kertas Pertimbangan **Pelaksanaan Penilaian Semula Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara**;
- (ii) Kertas Pemakluman **Pelaksanaan Program Intervensi Ke Arah Negara Tua 2030**; dan
- (iii) Kertas Pemakluman **Laporan Kemajuan Projek Age-Friendly City**.

Antara keputusan yang telah dipersetujui adalah:

- (i) Melaksanakan **Penilaian Semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara** secara komprehensif.

- (ii) Pelaksanaan program intervensi dalam konteks penjagaan warga emas iaitu **pewujudan konsep penjagaan jangka masa panjang**. Selain itu pengukuhan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas berasaskan komuniti juga diberi penekanan.
- (iii) Pengemaskinian status pelaksanaan projek rintis **Bandar Mesra Usia di Taiping, Perak**. Projek rintis ini dimulakan dengan kajian **bagi membangunkan rangka tindakan yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa tempatan dalam menyediakan atau menambah baik kemudahan bagi menjadikan sesebuah kawasan atau bandar mesra kepada semua peringkat usia termasuk kepada warga emas**. Kajian ini dijangka selesai pada tahun 2022.

PELAN TINDAKAN VAKSINASI COVID-19 KEPADA WARGA EMAS

Sehingga 31 Mei 2021, **seramai 2.1 juta warga emas telah membuat pendaftaran bagi mendapatkan suntikan vaksin** melalui aplikasi MySejahtera. Daripada jumlah tersebut, **632,519 warga emas telah menerima dos pertama manakala sejumlah 229,462 orang warga emas telah lengkap menerima dos kedua**.

Tindakan pihak kementerian tidak terhenti setakat itu sahaja bagi memberi kesedaran mengenai kepentingan vaksinasi dan bahaya COVID-19 malah telah merangka pelan tindakan khusus seperti:

- (i) Semua Pegawai JKM di seluruh negara telah **diminta untuk mengadakan libat urus bersama-sama pusat-pusat jagaan warga emas**;

- (ii) **Mengaktifkan Jawatankuasa Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** untuk mempromosikan pendaftaran penerimaan vaksin dalam kalangan warga emas dalam komuniti;
- (iii) **Menggalakkan pertubuhan-pertubuhan warga emas peringkat kebangsaan bagi** mengadakan promosi pendaftaran vaksin COVID-19;
- (iv) **Menggembeng Ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara** (MPPWEN) bagi membantu advokasi vaksinasi dalam kalangan warga emas di seluruh negara; dan
- (v) **Mengaktifkan sukarelawan Khidmat Bantu Di Rumah.**

YB Menteri berharap agar Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas ini akan terus diperkasa dan menjadi platform kepada kerajaan bagi memenuhi hasrat untuk memberi pengiktirafan dan menambahbaik kesejahteraan serta keterlibatan semua warga emas di Malaysia.

###

Disediakan oleh:

Sekretariat Majlis Penasihat Dan Perundingan Warga Emas Negara
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat